

10 belia terjemah merdeka menerusi pendakian



Malaysiaku Gemilang

Oleh Jami'ah Shukri

KEMERDEKAAN sering dikaitkan dengan perjuangan sukar yang memerlukan pengorbanan besar, tidak saja terhad kepada masa dan tenaga, bahkan ada kalanya nyawa. Sejarah mencatatkan ramai pejuang menebus harga kemerdekaan menerusi perjuangan jitu dalam segenap segi sehinggalah negara bebas daripada cengkaman penjajah.

Istimewanya, tahun ini, genap setengah abad Malaysia meraikannya dan seperti lazimnya ia disambut dengan penuh semangat menerusi pelbagai acara bagi mengenang kembali detik perjuangan pemimpin terdahulu dalam memahat nama Malaysia sebagai negara bebas daripada belenggu penjajah.

Namun, sejauh mana naluri, semangat dan kesedaran mengenai kemerdekaan itu mengalir dalam darah di setiap masyarakat di negara ini, khususnya generasi muda? Apakah erti kemerdekaan kepada mereka?

Namun, bagi 10 anak muda ini diketuai bekas Jurulatih Pendaki Kebangsaan, Sharin Hashim, ingin menterjemahkan 'merdeka' itu dengan konsep tersendiri, iaitu mahu menjadi belia yang mempunyai personaliti unggul dan berwawasan. Justeru, falsafah itu yang mahu dijelmakan mereka adalah dengan menakluk Puncak Banjaran Tama Abu, Batu Lawi, Sarawak.

Program selama 10 hari, bermula 6 Ogos hingga 16 Ogos itu juga dikenali Ekspedisi Puncak Merdeka Batu Lawi Sarawak 2007. Puncak Merdeka adalah program yang dilakukan sempena sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara.

Empat daripada 10 anak muda berkenaan melakukan pendakian puncak Batu Lawi tidak saja ingin mengukir nama sebagai rakyat Malaysia pertama berjaya mendaki ke puncak Batu Lawi setinggi 2,064 meter (kedua tertinggi di negara ini daripada aspek pendakian menegak selepas Gunung Kinabalu), malah paling utama mempamerkan kekuatan semangat patriotik dengan memegang slogan Malaysia Boleh dan sekali gus mampu menjadi anak bangsa yang unggul serta memiliki keteguhan jati diri.

Pada masa sama, Puncak Merdeka men-

sasarkan lebih daripada mencatat nama di dalam *Malaysia Book of Records*, tetapi juga ingin membuktikan kebolehan dan kehebatan anak tempatan melakukan aktiviti itu.

Hakikatnya, Puncak Merdeka adalah acara simbolik yang dapat mengingatkan kita di sebalik setiap kejayaan ada pelbagai cabaran, pengorbanan dan kepayahan perlu dihadapi.

Bagi mereka, keharmonian dinikmati sekarang adalah hasil daripada pendakian, pengorbanan dan kepayahan pejuang bangsa Malaysia terdahulu. Selain itu, ia menggambarkan simbolik kebebasan peluang tanpa batasan terhadap kejayaan kehidupan, kebebasan bersuara dan kenikmatan ekonomi.

Sharin, 39, yang juga Pengarah Teknikal Puncak Merdeka, berkata pendakian berkenaan juga adalah untuk mengubah minda sebilangannya masyarakat tempatan yang suka memandang remeh kemampuan anak jati negara ini. Berdasarkan pengetahuannya, tiga warga asing sudah sampai ke puncak Batu Lawi.

"Malaysia kaya dengan keindahan alam semula jadi. Terlalu banyak aktiviti lasak yang boleh diterokai di negara ini dan tidak semestinya dilakukan ke luar negara. Kita sebagai anak tempatan juga sepatutnya menunjuk kebolehan. Kita yakin mampu sampai ke puncak dan sekali gus mengibarkan Jalur Gemilang di sana.

"Kegiatan mendaki puncak batu ini agak kurang meluas di negara ini dan dianggap aktiviti lasak yang mencabar. Kekuatan mental dan fizikal menjadi asas penting untuk memastikan misi pendakian berjaya," katanya yang mempunyai 20 tahun pengalaman dalam aktiviti sukan lasak mendaki.

Pendakian ke puncak Batu Lawi turut disertai Syahrul Nizam Abdul Aziz, 32 serta dua lagi pelajar Universiti Multimedia Cyberjaya, Asrul Rizuan Yusof, 25; dan Mohd Razis Abd Halim, 21, manakala selebihnya bertindak sebagai pasukan bantuan dan empat krew RTM yang akan merakam aktiviti ekspedisi itu.

Bagi misi itu, semua pendaki sudah menjalani latihan selama dua tahun sebagai perediaan dari segi mental dan fizikal termasuk mendaki puncak Batu Caves, Selangor; Gua Musang, Kelantan; Pulau Tioman selain di pusat latihan mendaki.

Sharin berkata, ekspedisi itu dimulakan dengan menaiki kapal terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan terus ke Miri, Lawas, merentasi hutan untuk sampai di kaki Banjaran Tama Abu sebelum melakukan pendakian ke puncak Batu Lawi. Yang nyata mereka sudah cukup bersedia. Pendakian menegak adalah paling mencabar di dalam sukan mendaki.

Sebelum ini, pada 2002, Sharin bersama tiga pendaki lain juga pernah menawan puncak tebing tinggi Dragon's Horn, Gunung Nenek Semukut, Pulau Tioman pada ketinggian 690 meter dan sekali gus mencatat nama sebagai kumpulan pertama rakyat negara ini di dalam *Malaysia Book of Record*. Pendakian itu juga dilakukan sempena perayaan Hari Kebangsaan 2002. Ekspedisi itu diberi nama Dragon's Horn 2002.

Misi seterusnya adalah untuk melancarkan ekspedisi di Gunung Kinabalu, tahun depan.

Sementara itu, Syahrul Nizam yang juga ahli kumpulan Indigo yang sudah mula menjinakkan diri dengan aktiviti sukan lasak sejak lima tahun lalu juga teruja untuk bersama-sama menjejaki puncak Batu Lawi untuk membuktikan anak Malaysia mampu melakukan sukan itu dan memadamkan persepsi tipikal sesetengah masyarakat yang suka menyanjung pendaki luar negara.

"Sebagai bangsa merdeka, kita tidak seharusnya membataskan diri untuk melakukan sesuatu. Kita perlu bebas dari segala-galanya. Mendaki puncak Batu Lawi adalah pengalaman pertama saya.

"Kami lakukan ini bukan mencipta nama atau mengejar glamour, sebaliknya menghayati kegiatan itu dengan pengisian bermanfaat. Kegiatan ini seharus-

nya dijadikan satu cara hidup yang sihat," katanya.

Matlamat tersirat dalam ekspedisi itu ialah untuk membuktikan kepada rakan sebaya serta komuniti belia yang terbabit di dalam sukan lasak dan rakyat Malaysia bahawa yang lebih penting wujud semangat jati diri yang kuat, setia kawan yang kukuh.

Bukan saja puncak gunung dapat ditawan, namun yang lebih penting dapat menawan diri kita sendiri, membawa keluar ciri-ciri personaliti unggul serta menolak segala raguan mengenai keupayaan kita dan menghadapi segala cabaran dengan semangat juang yang mampan.

Rasionalnya, apabila satu komuniti itu ber-satu dan kuat, maka banyak kemajuan dan pencapaian boleh dikecapi. Selain menjadikannya satu aktiviti riadah, sukan lasak ini juga boleh dijadikan satu kerjaya dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Program Puncak Merdeka itu diperakui Kementerian Penerangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebagai salah satu program sepanjang bulan kemerdekaan.



“Pendakian itu adalah untuk mengubah minda sebilangannya masyarakat tempatan yang suka memandang remeh kemampuan anak jati negara ini”

Sharin Hashim
Bekas Jurulatih Pendaki Kebangsaan